

ESTEEM

Academic Journal UiTM Pulau Pinang

Volume 5, Number 2

December 2009

ISSN 1675-7939

Service Employees' Acceptance of Hotel Front Office Systems: A Test of Technology Acceptance Model

Mohamad Abdullah Hemdi

A New Estimator and its Performance

Ng Set Foong
Low Heng Chin
Quah Soon Hoe

The Sustainable Competitive Advantage: Elements of Business Strategy for Surviving in the Franchising Industry

Shaira Ismail

The Manifestation of Native Language Transfer in ESL Learning

Mah Boon Yih

Exploring International Construction Projects: Views from Malaysian Construction Firms

Che Khairil Izam Che Ibrahim
Abdul Rahman Ayub
Nadira Ahzahar
Siti Hafizan Hassan

Pengurusan Perubahan Menurut Perspektif Islam

Zulkifli Dahalan
Wahairi Mahmud

Pembangunan Sains dan Teknologi di IPTA: Satu Analisis Sejarah

Rahimin Affandi Abd Rahim
Nor Adina Abdul Kadir
Ahmad Faisal Abdul Hamid
Zulkifli Dahalan

Masalah Pembelajaran Urutan Kata dalam Ayat Bahasa Mandarin dalam Kalangan Pelajar Bukan Penutur Asli

Hoe Foo Terng
Cheun Heng Huat
Ho Wee Chee

EDITORIAL BOARD
ESTEEM VOLUME 5, NUMBER 2, 2009
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang
SCIENCE & TECHNOLOGY AND SOCIAL SCIENCES

ADVISORS

Tan Sri Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah
Assoc. Prof. Mohd Zaki Abdullah

PANEL REVIEWERS

- Assoc. Prof. Dr. Foo Fong Lian (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Dr. Mohd Salehuddin Mohd Zahari (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Dr. Normala Daud (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Dr. Roshidi Hassan (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Cheun Heng Huat (*Universiti Teknologi MARA*)
Dr. Norhayuza Mohamad (*Universiti Teknologi MARA*)
Dr. Sarminah Samad (*Universiti Teknologi MARA*)
Laila Mohammad Kamaruddin (*Universiti Teknologi MARA*)
Sofwan Hasbullah (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Ir. Dr. Md. Azlin Md. Said (*Universiti Sains Malaysia*)
Assoc. Prof. Dr. Khadijah Zon (*Universiti Sains Malaysia*)
Assoc. Prof. T. Ramayah (*Universiti Sains Malaysia*)
Dr. Aziah Ismail (*Universiti Sains Malaysia*)
Dr. Farid Ezanee Mohamed Ghazali (*Universiti Sains Malaysia*)
Dr. Muhammad Azizan Sabjan (*Universiti Sains Malaysia*)
Dr. Noor Hazlina Ahmad (*Universiti Sains Malaysia*)
Dr. Ong Hong Choon (*Universiti Sains Malaysia*)
Assoc. Prof. Dr. Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali (*Universiti Malaya*)
Dr. Ahmad Zuhdi Ismail (*Universiti Malaya*)
Dr. Mohd Roslan Mohd Nor (*Universiti Malaya*)
Dr. Nor 'Azzah Kamri (*Universiti Malaya*)
Dr. Siti Arni Basir (*Universiti Malaya*)
Assoc. Prof. Dr. Latifah Amin (*Universiti Kebangsaan Malaysia*)
Dr. Hj. Adnan Yusopp (*Universiti Putra Malaysia*)

CHIEF EDITOR

Mohd Aminudin Murad

MANAGING EDITOR

Hoe Foo Terng

PANEL EDITORS

Baderisang Mohamed
Lim Teck Heng
Liaw Shun Chone

Ahmad Khair Mohd Nor
Zuraidah Jantan

Copyright © 2009 by the Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

Esteem Academic Journal is jointly published by the Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang and University Publication Centre (UPENA), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

ESTEEM

UNIVERSITY COLLEGE MALAYSIA
UITM, SHAH ALAM

Academic Journal UiTM Pulau Pinang

Volume 5, Number 2

December 2009

ISSN 1675-7939

Foreword

iii

1. Service Employees' Acceptance of Hotel Front Office Systems: A Test of Technology Acceptance Model 1
Mohamad Abdullah Hemdi
2. A New Estimator and its Performance 21
Ng Set Foong
Low Heng Chin
Quah Soon Hoe
3. The Sustainable Competitive Advantage: Elements of Business Strategy for Surviving in the Franchising Industry 39
Shaira Ismail
4. The Manifestation of Native Language Transfer in ESL Learning 61
Mah Boon Yih
5. Exploring International Construction Projects: Views from Malaysian Construction Firms 71
Che Khairil Izam Che Ibrahim
Abdul Rahman Ayub
Nadira Ahzahar
Siti Hafizan Hassan
6. Pengurusan Perubahan Menurut Perspektif Islam 93
Zulkifli Dahalan
Wahairi Mahmud
7. Pembangunan Sains dan Teknologi di IPTA: Satu Analisis Sejarah 115
Rahimin Affandi Abd Rahim
Nor Adina Abdul Kadir
Ahmad Faisal Abdul Hamid
Zulkifli Dahalan

8. Masalah Pembelajaran Urutan Kata dalam Ayat Bahasa Mandarin dalam Kalangan Pelajar Bukan Penutur Asli Hoe Foo Terng Cheun Heng Huat Ho Wee Chee	149
9. The Influences of Gender, Courses and Speaking English at Home on Factors Contributing to Poor Spoken English Cheang Eng Kwong	165
10. Persepsi Pelajar Terhadap Kredibiliti Pensyarah Pendidikan Islam: Satu Kajian Che Haslina Abdullah Zulkefli Mohamad Siti Khalijah Majid Saharani Abdul Rashid	183
11. Konsep Asas Ilmu Perubatan Islam Menurut Ibn Sina Roshaimizam Suhaimi Jasni Sulong	201
12. Pendidikan Islam dalam Pembelajaran Prasekolah: Kajian Terhadap Kurikulum Pengajaran Beberapa Prasekolah Terpilih Zulkifli Dahalan	215
13. Peranan Pensyarah dalam Penambahbaikan Kualiti Pengajaran di UiTM Peridah Bahari Fatimah Bahari	231
14. Pertembungan Tamadun Islam dan Tamadun Barat: Di Mana Letaknya Konflik? Mohd. Hapiz Mahaiyadin Khaliff Mu'ammor A. Harris	241
15. Kedudukan Para Nabi, Malaikat dan Jin Menurut Perspektif Islam Halipah Hamzah	257

Foreword

Alhamdulillah. Firstly, I would like to express my thanks and congratulations to the Editorial Board of *Esteem Academic Journal* of Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang for their diligent work in helping to produce this second issue of volume 5. I also would like to thank the reviewers for the excellent vetting of the manuscripts. A special thanks to University Publication Centre (UPENA) of UiTM for giving us this precious opportunity to publish twice this year. In this bilingual science & technology and social sciences issue, similar to the first issue we managed to invite more reviewers from our university as well as other universities in Malaysia. In the near future, we will approach and invite more international reviewers to be in the Editorial Board in order to internationalize our journal. Again, this current issue remarks a new height of the journal standard.

In this issue, we have compiled another 15 interesting articles. The first article is entitled “Service Employees’ Acceptance of Hotel Front Office Systems: A Test of Technology Acceptance Model” written by Mohamad Abdullah Hemdi. The author makes an attempt to investigate the relationship between information system quality, perceived ease of use, perceived ease of usefulness and attitude towards use by adopting an extended technology acceptance model (TAM). This article also presents theoretical and practical contributions for hotel managers and hotel information system (HIS) practitioners in order to increase frontlines acceptance of HFOS. The second article by Ng Set Foong, Low Heng Chin and Quah Soon Hoe proposed a new estimator as an alternative of the Ordinary Least Squares Estimator for linear regression model. This new estimator is shown to have a reduction in mean squared error compared to the mean squared errors of the special case of Liu-type estimator and the Ordinary Least Square Estimator under certain conditions.

Shaira Ismail in her article studies the elements of business strategy for surviving in the franchising industry. The author concluded that the firm’s competitive advantages need to be explored and defined as a blueprint for business strategic planning. The extremely important factors contributing to a company’s competitive advantage are in relations to customers and products. The fourth article by Mah Boon Yih is primarily concerned about how the learner’s existing linguistic knowledge influences the course of English language development among Chinese ESL learners.

The use of English language presented in the form of written work from the samples of 12 students has manifested itself the impact of their L1 (Chinese) transfer in their second language acquisition.

The fifth article by Che Khairil Izam Che Ibrahim et al. surveyed the awareness on analyzing major determinants of goals and benefits in international construction market. Findings indicate that as Malaysian construction firms go international, determination of a firm's basic goals and long term benefits is a really important aspect in exploring international construction projects. Zulkifli Dahalan and Wahairi Mahmud in their article entitled "Pengurusan Perubahan Menurut Perspektif Islam" discuss how managing changes can strengthen an organization, in a way that is in accordance to Islam. Leaders play important role since the success of an organization depends on the leaders' ability to manage the changes.

Rahimin Affandi Abd Rahim et al. focused on the review of the development of Islamic science and technology framework in public universities. The authors concluded that the process and move in developing Islamic science and technology framework in universities is still a distant away from reaching its target. The eight article by Hoe Foo Terng, Cheun Heng Huat and Ho Wee Chee looks into the problems and difficulties in learning phrases and sentences in Mandarin language among non-Mandarin spoken students as well as the causing factors and the strategies to overcome the problems. The results show that students always make Mandarin grammar mistakes due to the influence of their mother tongue language, mistakes by opposing the logical, chronological or time, or carelessness.

The article entitled "The Influences of Gender, Courses and Speaking English at Home on Factors Contributing to Poor Spoken English" by Cheang Eng Kwong highlights the factors that contribute to the poor proficiency of spoken English among the diploma students in UiTM Pulau Pinang. The results of the study concluded that both internal and external factors have resulted in the poor use of spoken English among the students. The tenth article by Che Haslina Abdullah et al. is a result of a research on the students' perception on lecturers teaching Islamic Studies course. The results indicated a high percentage of students agree that the Islamic Studies lecturers have higher credibility.

The eleventh article by Roshaimizam Suhaimi and Jasni Sulung entitled "Konsep Asas Ilmu Perubatan Islam Menurut Ibn Sina" emphasizes on Ibn Sina's contributions in medical or medicine knowledge as well as the everlasting Islamic medical knowledge that is still being used until today although his name has not been properly recognized and acknowledged

by the West. Zulkifli Dahalan's article entitled "Pendidikan Islam dalam Pembelajaran Prasekolah: Kajian Terhadap Kurikulum Pengajaran Beberapa Prasekolah Terpilih" concentrates on the Islamic learning process and curriculum in selected kindergarten or preschool. The authors monitor the total learning hours for Islamic Studies course and other courses and suggested Islamic Studies course to be as a part of the preschool curriculum.

The article entitled "Peranan Pensyarah dalam Penambahbaikan Kualiti Pengajaran di UiTM" by Peridah Bahari and Fatimah Bahari discusses the role of lecturers in the development of higher learning as well as to enhance the quality of teaching. The fourteenth article discusses the conflict between Islamic civilization and Western civilization. The authors, Mohd. Hapiz Mahaiyadin and Khaliff Mu'ammar A. Harris suggested that the Islamic civilization could coexist with the Western if the West is able to understand Islam and the Muslim society. However, the full understanding is difficult to achieve since Islam civilization is concerned about revealing the truth while the Western civilization is about concealing the truth. The last article entitled "Kedudukan Para Nabi, Malaikat, Jin dan Iblis Menurut Pemikiran Islam" written by Halipah Hamzah looks into the position of *nabi*, *malaikat*, *jin* and *iblis* from an Islamic point of view.

Mohd Aminudin Murad
Chief Editor
Esteem, Vol. 5, No. 2, 2009
(Science & Technology and Social Sciences)

Pengurusan Perubahan Menurut Perspektif Islam

Zulkifli Dahalan

Wahairi Mahmud

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia

Emel: zuldahl@ppinang.uitm.edu.my

wahairi@tganu.uitm.edu.my

ABSTRAK

Perubahan adalah lumrah dalam alam kehidupan manusia. Manusia tidak mungkin berada kaku di sesuatu keadaan tanpa menempuh sebarang bentuk perubahan. Paling nyata, fizikal dan kemampuan manusia sentiasa berubah selaras dengan perkembangan usia. Selaras dengan peranan dan fungsi sebagai khalifah, manusia menjadi agen utama kepada sebarang proses perubahan. Pengutusan para rasul sendiri adalah untuk mengubah manusia agar menepati kehendak Allah selaku Pencipta sebenar berpaksikan kepada akidah tauhid. Selain peranan rasul, manusia juga perlu berilmu untuk menguruskan perubahan. Perubahan tidak boleh ditangani melalui emosi tanpa kawalan. Manusia yang tidak bersedia berubah akan mendapati dirinya ketinggalan. Menguruskan perubahan hendaklah dilakukan secara beretika agar ianya selari dengan keperluan dan kehendak manusia dan Penciptanya. Situasi inilah yang wajar diberi penekanan dalam konteks perkhidmatan awam di Malaysia.

Kata kunci: pengurusan, transformasi, tauhid, etika, ilmu

Pengenalan

Firman Allah SWT dalam surah al-Rum ayat 54 yang bermaksud: “Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu Dia menjadikan kamu kuat, setelah itu Dia menjadikan kamu lemah pula serta tua beruban. Dia menciptakan apa

yang dikehendaki-Nya, dan Dia lah jua yang Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa.”

Perubahan yang dituntut oleh Islam ialah merubah diri ke arah yang lebih baik daripada sebelumnya. Unsur jasad dan rohani manusia sentiasa berkembang mengikut situasi (perubahan) yang ada di sekelilingnya. Apabila unsur jasad yang ada dibangunkan dan dijaga maka ia akan menjadi kuat dan bertenaga, begitu juga dengan unsur rohani (Mohd. Nakhaie, 1996). Apabila ia dibangunkan dan diperkuatkan dengan cara yang betul maka ia akan menjadi kuat dan kental sebagaimana yang telah dibuktikan oleh para sahabat Rasulullah SAW yang awal.

Kedua-dua unsur ini berupaya dibangunkan dan diperkuatkan melalui usaha manusia sendiri dengan berpandukan syariat yang telah diturunkan oleh Allah, bukannya dengan cara yang difikirkan oleh akal manusia sendiri. Ini kerana kadang-kadang perkara yang difikirkan oleh manusia melalui akal semata-mata sebagai baik bagi perkembangan dirinya adalah suatu yang memudaratkan dan sebenarnya merosakkan dirinya. Sebaliknya kadang-kadang manusia dengan akalnya semata-mata menolak dan mengetepikan perkara yang sebenarnya mendatangkan kebaikan bagi dirinya kerana pada tanggapan akal mereka perkara itu boleh merosakkan. Oleh itu, piawai yang paling tepat dalam menentukan perkara yang mendatangkan kebaikan bagi jasad dan rohani manusia ialah piawai wahyu di samping piawai akal yang dipagari oleh panduan wahyu (Abdul Halim, 1995).

Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia sering memberi penekanan tentang membangunkan modal insan dan minda kelas pertama (Konsep Islam Hadhari, 2004). Beliau dalam beberapa siri ucapan menekankan tentang perlunya mentaliti dibangunkan selaras dengan kemudahan yang disediakan. Ianya boleh difahami secara positif sebagai mengajak rakyat agar merubah minda secara positif selaras dengan perkembangan dan tuntutan semasa. Justeru kita seharusnya berusaha dan sentiasa bersedia menghadapi perubahan dalam segenap aspek kehidupan. Usaha perlu dilaksanakan agar perubahan tersebut memberi impak positif kepada seluruh ruang lingkup kehidupan.

Pengurusan Perubahan

Takrifan alam dalam Islam merangkumi semua makhluk ciptaan selain Allah. Baharu pula dimaksudkan sebagai ada awal dan akhirnya. Perubahan alam termasuk manusia adalah satu fenomena biasa yang

tidak dapat dielak. Fizikal, mental, emosi, tenaga, daya intelek manusia sentiasa berubah selaras dengan perubahan masa, tempat dan faktor-faktor lain di sekeliling mereka. Perubahan berlaku sama ada secara sedar atau tidak, pilihan mahu pun paksaan. Perubahan juga akan berlaku secara menyeluruh (holistik) atau sebahagian sahaja. Ia bergantung pada keupayaan dan kehendak manusia itu sendiri.

Istilah pengurusan merujuk kepada satu proses sosial dibentuk untuk mendapatkan kerjasama, penyertaan dan penglibatan ahli-ahli dalam sesebuah organisasi bertujuan mencapai sesuatu matlamat atau objektif yang paling berkesan (Drucker, 1972). Selain itu merancang, mengelola, memimpin dan mengawal serta menyelesaikan masalah juga penting dalam menguruskan perubahan. Mengikut Kotter (1996) “*Leadership defines what the future should look like, aligns people with that vision, and inspires them to make it happen despite the obstacles.*” Kedua-dua aspek ini adalah diperlukan dalam proses perubahan agar tercapai matlamat yang diinginkan.

Perubahan dalam kehidupan adalah fenomena yang tidak dapat dielak oleh manusia. Manusia sendiri secara hakikatnya sentiasa mengalami proses perubahan dari semasa ke semasa. Dr. Yusuf al-Qaradhawi dalam satu syarahan mengaitkan ayat di atas dengan proses perubahan diri yang dialami oleh semua manusia (*Wajah Baru Belia Visi Dua Tokoh*, 1996). Cabaran terhadap perubahan kehidupan manusia di dunia bermula dari alam bayi, kanak-kanak, remaja dan tua. Mereka bermula dari keadaan lemah (alam kanak-kanak), bertenaga (muda-remaja) dan lemah kembali (tua). Proses tersebut menuntut manusia peka terhadap segala perubahan keperluan dan peluang apabila tahap usia kian meningkat. Setiap peringkat tersebut berbeza keperluan dan juga kehendak.

Dalam proses mendidik anak-anak mengerjakan solat, Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya: “Perintahkanlah anak-anakmu supaya bersolat ketika berusia tujuh tahun dan pukullah mereka jika meninggalkannya setelah berusia sepuluh tahun dan juga asingkan tempat tidur mereka” – hadis riwayat Ahmad. Ibu bapa diminta membimbing anak-anak mereka seawal usia 7 tahun dan mengenakan hukuman jika enggan ketika usia menjangkau 10 tahun (Mohd. Nakhaie, 1996). Sayidina Umar ibn al-Khattab ra pernah menyarankan agar anak-anak dididik mengikut zamannya, bukan zaman bapanya. Ini bermaksud perubahan perlu diiktiraf dan disesuaikan secara positif dengan kehidupan kita. Kita sepatutnya bersedia dan bertindak seiring dengan perubahan yang berlaku. Jika kita tidak menyelaraskan diri dengan perubahan yang berlaku, kita akan mundur dan tertinggal. Berbekalkan kombinasi mantap fizikal,

spiritual dan intelektual, manusia sewajarnya mampu memahami mesej perubahan iaitu berusaha gigih untuk memastikan setiap agenda kehidupan berada dalam kerangka kebijakan dan kesejahteraan sejagat.

Kita hendaklah melihat keperluan perubahan sebagai suatu peluang untuk mencipta sebanyak mungkin kebaikan dalam segenap lapangan hidup. Ini sudah tentu memerlukan mereka yang berwawasan, berinovasi dan bersemangat waja. Perubahan perlu dilakukan bagi meneruskan kelangsungan hidup agar sentiasa relevan. Dalam hal ini, Islam menyediakan konsep dan dasar secara umum dan memberikan ruang seluasnya kepada akal manusia memikir dan menerokai bentuk dan ruang lingkup perubahan yang diperlukan. Ia sebahagian hikmah kehidupan dengan kepelbagaiannya kaum, etnik, agama, budaya dan perbezaan geografi kurniaan Allah SWT. Perbezaan ini sewajarnya mencambahkan pemikiran dalam nilai perubahan.

Dengan memahami perubahan sebagai satu fenomena yang perlu dilalui, manusia hendaklah membina pemikiran yang kreatif dan positif. Kekuatan ini membolehkan mereka mendepani dan menerima perubahan yang berlaku (Abdul Halim, 1995). Sebagai kakitangan sesebuah organisasi perubahan merupakan satu cabaran untuk kita membina dan menonjolkan imej yang positif selaras dengan kehendak majikan. Perubahan perlu ditangani secara berkesan agar kita tidak ketinggalan. Akhirnya akan lahirlah organisasi dan individu yang cemerlang selaras dengan kehendak negara jika perubahan dapat diurus secara positif dan berkesan.

Manusia perlu berubah supaya tidak mundur dan tertinggal. Pencapaian teknologi terkini umpamanya memampukan manusia mengetahui perkembangan semasa secara segera hanya melalui hujung jari. Perubahan yang berlaku adalah seiring dengan keperluan kehidupan dan perkembangan semasa. Manusia mampu menggapai kecemerlangan dengan bersedia berubah dari takut lama kepada keadaan yang lebih baik.

Manusia Sebagai Agen Perubah

Manusia berperanan sebagai khalifah Allah bagi memakmurkan alam ini sesuai dengan kehendak Allah dan Rasul-Nya. Elemen manusia sebagai agen perubah telah pun digambarkan oleh para malaikat walaupun dalam konotasi yang negatif sebagaimana maksud firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 30: “Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang

khalifah di bumi.” mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?” Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.” Manusia digambarkan akan melakukan kerosakan di atas muka bumi ini. Secara tidak langsung ia adalah gambaran peranan yang akan dimainkan oleh manusia.

Sesuai dengan fungsi dan peranannya, manusia dapat digambarkan sebagai agen utama dalam agenda perubahan. Ia diisyaratkan oleh Allah SWT melalui firman-Nya di dalam surah al-Ra’d ayat 11 yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka.” Perubahan ke arah kebaikan yang akan manusia lakukan bergantung kepada kekuatan dirinya sendiri untuk laksanakan. Perubahan tidak mungkin berlaku jika tiada kesediaan manusia untuk melakukannya (Syed Othman al-Habshi, t.t).

Buruk atau baiknya sesuatu perubahan bergantung kepada manusia yang dipertanggungjawabkan. Situasi ini telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW melalui sabdaannya yang bermaksud: “Apabila diberikan sesuatu urusan bukan kepada ahlinya, maka tunggulah saat kemusnahan” (Hadis riwayat al-Bukhari).

Sebagai agen perubah, manusia memerlukan kekuatan. Justeru Allah SWT tidak membiarkan manusia terkapai-kapai membina kekuatan, lantaran keterbatasan akal mereka. Memenuhi tuntutan sifat Pengasih dan Penyayang (al-Rahman dan al-Rahim), Allah SWT mengutuskan para Rasul bagi membentuk akhlak dan keperibadian manusia sebagai tonggak utama membina kekuatan (Ismail & Mohd. Sahri, 1994)

Jelas di sini, aspek pembinaan keperibadian seseorang individu sangat penting dalam agenda perubahan yang menjadi pokok perbincangan kertas ini. Melalui pemantapan diri, konsep perubahan dapat dicapai. Perubahan bererti menyempurnakan tuntutan kehidupan di dunia dan akhirat. Rangkuman konsep dunia dan akhirat ini menjadi titik tolak bagi agenda perubahan pengurusan dalam setiap lapangan. Ia menjadi kunci kekuatan manusia menepati gabungan unsur fizikal, spiritual dan intelektual.

Tauhid Asas Perubahan

Perubahan hendaklah bertolak dari asas yang kukuh, sesuatu yang diyakini sepenuhnya. Berubah bukan kerana perlu berubah kerana perasaan perlu berubah dikhuatiri boleh berubah dari semasa ke semasa. Akidah dan akhlak adalah elemen utama dakwah di awal Islam. Rasulullah SAW memberi tumpuan khusus kepada kedua-dua elemen ini dalam usaha merubah masyarakat Arab yang tenggelam dengan kejahilan. Mereka jahil dalam mengenali Pencipta dan jahil terhadap tanggungjawab yang perlu dilaksanakan.

Kekuatan akidah dan akhlak telah berjaya merubah rupa bentuk masyarakat Arab. Ia memunculkan personaliti berbeza dari sebelumnya. Keadaan ini boleh dipelajari menerusi individu-individu seperti Abu Bakar, Umar, Ali, Uthman, Khadijah, Aisyah, Asma' dan sahabat-sahabat lain. Mereka berjaya mengeluarkan diri daripada belenggu kekufuran jahiliah (al-Maududi, 1985). Masyarakat Arab yang tidak dipedulikan ketika jahiliah kemudiannya setelah Islam mampu menjadi agen merubah kepada masyarakat lain termasuk kita di Malaysia.

Suasana politik, sosial, ekonomi, pemikiran, keilmuan dan lain-lain turut berubah. Persoalan halal haram melakar segala keputusan yang akan dilakukan. Mereka dengan penuh kesediaan menerima segala peraturan yang disampaikan oleh Rasulullah SAW tanpa sebarang dalih. Namun perubahan bukan bermakna membuang segala yang lama. Islam menerima pakai sistem lama yang baik dan tidak bercanggah dengan nilai yang disyariatkan (Shafie, 1995).

Kewajipan mentaati Allah SWT merangkumi aspek suruhan dan larangan. Inilah akidah tauhid yang sepatutnya ditanam kukuh di dalam hati sanubari secara kudus dan menjadi kunci kekuatan dalaman manusia. Rasulullah SAW telah membuktikan kejayaan melahirkan barisan pejuang perubahan yang unggul. Baginda berjaya mengubah daya hidup masyarakat Arab Jahiliah yang diselubungi amalan penyembahan berhala, minum arak, pembunuhan dan berjudi menjadi sebuah bangsa bertamadun yang hidup berteraskan ilmu dan keimanan, menegakkan kemakrufan dan meninggalkan kemungkaran. Kekuatan akidah berjaya mengubah mereka untuk melihat potensi kehidupan secara positif dengan meninggalkan segala amalan lama yang penuh kerosakan (Lokman, 1997). Umar Ibn al-Khattab ra secara revolusi mengubah penampilan dirinya. Beliau menguruskan perubahan dirinya secara total dengan memfokuskan sepenuh pengabdian kepada Allah SWT.

Nilai Ilmu

Islam mengutamakan ilmu dan ianya wajib dituntut oleh lelaki dan perempuan. Ilmu adalah suluh hidup dan menguasai ilmu bakal memberi jalan kemajuan dan perubahan. Oleh itu di sisi Allah orang-orang yang berilmu dengan orang-orang yang tidak berilmu statusnya tidak sama sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Zumar ayat 8 yang bermaksud: Firman Allah SWT dalam surah al-Zumar ayat 9 yang bermaksud: Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna."

Di dalam al-Quran terdapat banyak ayat-ayat yang menggambarkan kelebihan orang-orang yang beriman dan berilmu. Malahan pemilihan manusia sendiri sebagai khalifah adalah kerana gambaran keilmuan yang dimiliki oleh Adam as. Adam as dibekalkan dengan ilmu bagi merubah alam ini selaras dengan maksud pemakmuran yang dikehendaki Allah. Diakui wujud perbezaan kedudukan antara manusia yang berilmu dengan tidak berilmu. Firman Allah SWT dalam surah al-Mujadalah ayat 11 yang bermaksud: "...Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) – beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah maha mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan." Dalam ayat ini dijelaskan kedudukan manusia dengan melihat kepada iman dan ilmu yang dimiliki. Iman tanpa ilmu dan ilmu tanpa iman tidak memberi makna mendalam dalam kehidupan seseorang.

Dalam surah al-'Alaq, manusia dianjurkan untuk mengkaji ilmu dengan berpaksikan roh wahyu Ilahi. Allah SWT menciptakan manusia dan dibekalkan ilmu sebagai pembeza nilai baik dan buruk dalam kehidupan. Manusia diajar apa yang dia tidak tahu. Pencarian ilmu ini mampu diperoleh melalui pembacaan yang bersifat kajian, pembelajaran, pertanyaan dan seumpamanya. Manusia mengetahui berbagai rahsia alam dengan limpahan ilmu yang terkandung dalam al-Quran. Tanpa ilmu, manusia tidak mungkin mampu melakukan perubahan dalam alam ini. Perubahan ke arah lebih baik adalah dengan ilmu yang berpandukan wahyu (Fadzlullah, 1995).

Sejarah Islam menunjukkan perjuangan Rasulullah SAW adalah untuk membimbing manusia agar mengenali Pencipta sebenar. Berlaku penentangan pada peringkat awal oleh kaum Baginda kerana kejahilan

diri mereka sendiri. Mereka sukar diajak berubah daripada tradisi sesat lama kerana ketiadaan ilmu. Situasi ini menyebabkan mereka enggan berubah dan sanggup menentang kebenaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Justeru, wajar kita melihat penentangan terhadap sebarang bentuk perubahan adalah kerana faktor kejahilan.

Kekuatan tamadun Islam pada masa yang lalu berpunca antara lainnya ialah penerokaan dan penguasaan ilmu pengetahuan. Para ilmuwan dan ulama' Islam menguasai pelbagai bidang ilmu, merentasi Ilmu Mengurus Diri dan Ilmu Mengurus Sistem. Al-Quran yang terkandung hikmah dijadikan sumber penting menguasai ilmu dan menyebabkan ilmu yang dilahirkan bermanfaat tetapi juga selari dengan syariat. Penguasaan ilmu pengetahuan dalam zaman ketamadunan Islam menyumbang kepada umat manusia. Tradisi sains Islam di Andalusia menyebabkan Barat berlumba-lumba menterjemahkan kitab-kitab besar sains, matematik, perubatan, muzik, falsafah dan lain-lain ke dalam Bahasa Latin dan Ibrani dan menyebabkan Barat terhutang ilmu kepada umat Islam. Darinya Barat mula mengorak kemajuan dan lahirlah tradisi ilmu dan perubahan di Barat dan kemudiannya memberi kesan kepada umat manusia. Kitab-kitab besar Islam ini digunakan di Barat atau Eropah lebih lima ratus tahun bagi mencetuskan revolusi ilmu di sana.

Penguasaan ilmu pengetahuan bersumberkan hikmah (al-Quran) terbukti mengangkat martabat umat. Apabila faktor hikmah mula dilupakan, kemajuan berfikir sudah hilang dayanya, krisis ulama-umara mula berlaku, tradisi pengkaryaan mula kuncup, tamadun Islam mula meleset dan kebangkitan kuasa Eropah adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan lagi kerana minat besar mereka untuk menguasai ilmu pengetahuan.

Kebangunan Zaman Pertengahan, reformasi yang berjalan, *Renaissance* yang berlaku dan ledakan Revolusi Industri yang terjadi menyebabkan kuasa-kuasa Barat mula melebarkan sayap penjajahannya ke seluruh dunia dan menguasai dunia Islam. Tempoh yang begitu lama umat Islam dijajah menyebabkan mereka dipinggirkan dalam arus perkembangan ilmu dan umat Islam umumnya mendekati ilmu mengurus diri dan mula mengabaikan ilmu mengurus sistem. Akibatnya mereka terus dijajah, malah selepas mencapai kemerdekaan pun orientasi pengilmuan dan pendidikan banyak berorientasikan Barat di mana ilmu tidak lagi bertatahkan nilai dan akhirnya ilmu menjadi sekular dan dualistik.

Dalam konteks negara Malaysia, pembangunan ilmu dan pendidikan menjadi matlamat dalam pembangunan dasar pendidikannya sejak

kemerdekaan dicapai. Pengenalan subjek Agama Islam dimulakan sejak Akta Pelajaran 1961 dilaksanakan. Perkembangan subjek-subjek dalam orientasi Malaysia dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar mula menjadi keutamaan. Sekitar tahun-tahun 80-an orientasi pengilmuan dan pendidikan di Malaysia menempa orientasi baru di mana faktor pendidikan agama menjadi faktor yang penting dan pendekatan sepadu dalam pendidikan menjadi asas utama membangunkan peribadi modal insan yang holistik. Pengenalan konsep Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia adalah langkah menarik bagaimana proses pengilmuan dan pendidikan harus berjalan secara integratif.

Para pelajar tidak saja didedahkan dengan asas-asas ilmu mengurus diri seperti aqidah, akhlak, tilawah, *lughah* atau bahasa tetapi juga dengan asas-asas al-Quran, al-Hadis dan tafsir sebagai asas membina tasawur yang lebih betul tentang maksud ilmu-ilmu agama. Dalam masa yang sama para pelajar didedahkan dengan subjek-subjek yang berkaitan dengan ilmu mengurus sistem seperti matematik, sains, perakaunan, ekonomi, komputer dan lain-lain bagi membolehkan mereka menguasai ilmu yang berkaitan dengan pengurusan sistem.

Proses bina insan dalam pengilmuan dan pendidikan, memerlukan pembangunan modal insan yang holistik. Ia amat perlu dibangunkan supaya matlamat bina tamadun dapat dilakukan secara sistematik. Globalisasi yang menerpa umat Islam kini memerlukan jawapan ilmu dan integrasi dan Islamisasi ilmu kini adalah jawapan terbaik terhadap faktor globalisasi. Konsep umatisasi harus menjadi matlamat utama proses pengilmuan dan pendidikan dan landasan hadhari atau ketamadunan sewajarnya menjadi tunggak dan teras membangunkan dasar keilmuan dan pendidikan negara.

Proses menghasilkan peribadi unggul (*towering personalities*) dalam konteks acuan sendiri hanya boleh berlangsung sekiranya kita reflektif tentang tamadun silam dan terkini dalam menangani cabaran sezaman dan karenah lingkungan. Dialog tamadun harus disuburkan supaya aspek-aspek ketamadunan yang unggul dapat dikembangkan supaya konsep “*lita ‘arafu*” – untuk berkenal-kenalan – itu dapat dirasakan dalam membangunkan ilmu dan pendidikan yang bakal membangunkan konsep “*rahmah alamiah*” – rahmat untuk seluruh alam – dituntut oleh Islam.

Pengurusan Perubahan dalam Sejarah Islam

Rasulullah SAW wajar dilihat sebagai pemimpin yang mempunyai kemampuan mengukuh dan menguruskan organisasi. Ketaatan masyarakat Islam kepadanya ketika era Mekah mengatasi ketaatan mereka terhadap ibu bapa, pemimpin malahan hamba kepada tuannya. Individu-individu seperti Mus'ab ibn 'Umayr, Abu Zar al-Ghfari, Bilal ibn Rabah adalah antara yang telah menterjemahkannya dalam kehidupan mereka. Mereka cukup komited untuk berubah dalam sebuah organisasi baru walaupun menghadapi keperitan hidup (Abul A'la al-Maududi, 1984).

Proses ini dibuktikan lagi dengan kesediaan untuk berhijrah selaras dengan arahan Rasulullah SAW. Bersedia meninggalkan kehidupan selesa, keluarga dan lain-lain kepentingan untuk bersama dengan Rasulullah SAW di Madinah. Hijrah adalah satu tindakan perubahan dengan pengurusan yang penuh berstrategi daripada peringkat awal sehingga tertubuhnya negara Islam Madinah. Umat Islam kemudiannya berjaya mengurus dan membangunkan Madinah sebagai pangkalan untuk mengubah lakaran kehidupan manusia secara global (Abu al-Maati, 1990).

Ketibaan Rasulullah SAW ke Madinah disambut dengan penuh kegembiraan oleh para penduduk. Penukarana nama daripada Yathrib kepada Madinah adalah antara perubahan awal yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Umat Islam yang berhijrah bersama Baginda dinamakan sebagai *al-Muhajirin*. Penduduk Islam yang menyambut Baginda dan rombongan dinamakan sebagai *al-Ansar*. Tindakan Rasulullah SAW membayangkan nama atau penjenamaan turut mempunyai signifikan dalam usaha untuk mengubah. Sebagai bukan penduduk asal, kecemerlangan Baginda kekal terbukti dengan kemampuan mengurus perubahan terhadap penduduk di Madinah. Golongan Ansar sanggup berkorban kepentingan politik, budaya dan ekonomi untuk menerima Rasulullah SAW sebagai pemimpin baru bagi organisasi yang memegang teraju pentadbiran Madinah.

Bagi mengurus perubahan untuk mengukuhkan pengurusan organisasi, sistem syura diguna pakai oleh Rasulullah SAW (Ahmad Ibrahim, 1997). Ia memberi impak besar terhadap kemajuan yang dikecapi oleh penduduk Madinah. Mereka hidup secara harmoni dalam kepelbaagian bangsa dan agama. Pengamalan sistem syura adalah selaras dengan saranan Allah SWT dalam surah al-Syura ayat 38: "Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhan mereka serta mendirikan sembahyang dengan

sempurna; dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya.”

Bagi menguruskan perubahan dalam konteks organisasi kini, sistem syura wajar terus diamalkan dalam bentuk yang lebih sistematik. Kemajuan teknologi memudahkan lagi untuk ianya dilaksanakan. *Teleconference, email, internet* dan seumpamanya adalah antara kemudahan kini yang dapat digunakan dalam membuat dan melaksanakan sesuatu keputusan. Walaupun sebagai utusan Allah SWT, ia bukan bermakna Rasulullah bertindak sebagai seorang diktator. Pandangan sahabat diberi perhatian dan dipersetujui secara bersama walaupun bercanggah dengan pandangan peribadinya. Ini dapat kita teliti dalam keputusan-keputusan yang membabitkan strategi peperangan bagi mempertahankan negara daripada serangan musuh. Penggalian parit dalam peperangan Ahzab adalah hasil penerimaan Rasulullah SAW terhadap pandangan Salman al-Farisi yang dikemukakan ketika diadakan perbincangan bagi membincangkan strategi peperangan bagi menghadapi serangan musuh dari Mekah (al-Mubarafkuri, 2006).

Pemergian Rasulullah SAW ditangisi oleh para sahabat dan umat Islam keseluruhannya. ‘Umar ibn al-Khattab ra sendiri tidak dapat mengawal perasaannya. Ia suatu bentuk perubahan situasi yang agak sukar diterima. Dalam keadaan ini Abu Bakar ra berjaya menenangkan keadaan sehingga kewafatan Rasulullah SAW dapat diterima. Begitu juga proses penggantian kepimpinan dengan kemudiannya terlantik Abu Bakar ra daripada golongan Muhajirin sebagai khalifah (al-Maududi, 1984). Penggantian kepimpinan adalah lumrah bagi setiap pentadbiran. Ia secara tidak langsung akan mewujudkan perubahan paling tidaknya daripada sudut tokoh.

Beberapa perubahan dilakukan di zaman Khulafa’ al-Rasyidin selaras dengan perkembangan semasa. Keputusan-keputusan yang dibuat bertujuan menjaga kesejahteraan rakyat dalam negara. Pembesaran Masjid Nabi di Madinah dan pengumpulan al-Quran dalam satu *mushaf* di zaman Khalifah ‘Uthman ibn ‘Affan antara perubahan besar yang berlaku (Ahmad Ibrahim, 1997). Khalifah ‘Uthman ibn ‘Affan dengan penuh wibawa berjaya mengurus dan menangani kerisauan golongan yang kurang bersetuju dengan perubahan tersebut.

Perubahan sistem sosioekonomi sentiasa berlaku di zaman kegemilangan Khulafa’ al-Rasyidin dan zaman berikutnya dengan penubuhan Jabatan Pos, Pasukan Kawalan Keselamatan, pengurusan kewangan (Bayt al-Mal), pengenalan Kalendar Hijrah, Jabatan Hisbah,

sistem gaji kakitangan awam, mekanisme zakat gaji dan seumpamanya (Auni, 2000).

Perubahan terus berlaku dalam sejarah Islam dengan terbinanya tamadun Islam di zaman Abbasiyah. Kegemilangan Baghdad selaku pusat ilmu ditandai dengan kemunculan tokoh-tokoh seperti Hunayn ibn Ishaq, al-Kindi, al-Farabi, al-Razi, Ibn Sina, Ibn Rusyd dan ramai lagi (Fadzlullah, 1995). Keadaan sama turut berlaku di Andalus dengan peranannya merubah rupa bentuk Eropah yang tertinggal sehingga mampu keluar daripada zaman sebelumnya yang dikenali sebagai *The Dark Ages*. Kesemua kemajuan ini dikecapi hasil daripada kebijaksanaan pemimpin waktu itu menguruskan perubahan selari dengan keperluan semasa.

Salah satu sumber hukum Islam dicapai melalui kekuatan berijihad para ulama. Ijtihad merupakan salah satu sumber hukum Islam selepas al-Quran dan al-Sunnah. Hukum-hukum baru sentiasa berlaku selaras dengan perubahan zaman dan tempat (Abdur Rahman, 1996). Perkembangan semasa menuntut para ulama aktif berijihad. Imam al-Syafie sendiri dalam metodologi pengeluaran hukum ada ketikanya memberi pandangan berbeza terhadap permasalahan yang sama. Ia dirumuskan sebagai *qaul qadim* (pendapat lama) dan *qaul jadid* (pendapat baru).

Justeru dapat dirumuskan bahawa aspek perubahan sentiasa berlaku seiring dengan perkembangan dan keperluan semasa. Ia berlaku sejak daripada zaman Rasulullah SAW hingga zaman selepasnya. Perubahan-perubahan ini berjaya diuruskan dengan bijak sehingga memunculkan Islam sebagai kuasa ilmu dan politik dunia. Ia seterusnya mampu menyumbang kepada kemunculan tamadun Eropah yang berbeza agama dan budaya.

Etika dalam Pengurusan Perubahan

Pendidikan dan proses pengilmuan berkait rapat dengan proses pembangunan manusia. Manusia dibekalkan oleh Allah dengan akal untuk membolehkannya berfikir. Dari berfikir menjadikan manusia tahu, dari tahu menjadikan manusia berpengetahuan, dari pengetahuan menjadikan manusia berilmu dan dari ilmu membolehkan manusia memiliki hikmah. Hikmahlah menjadi martabat tinggi yang membawa suluh dalam kehidupan.

Sejak zaman Nabi Adam hingga ke zaman Nabi Muhammad SAW, risalah kenabian berusaha membawa manusia kembali kepada fitrah.

Tidak semua Nabi dan Rasul berjaya sepenuhnya mengajak manusia kembali dan kekal dalam fitrah. Tetapi Nabi Muhammad SAW berjaya membina model pembangunan manusia dan akhirnya model itu mampu menghasilkan tamadun. Jejak-jejak tamadun silam memerlukan upaya reflektif yang tinggi supaya rasa *nostalgik* kepada keunggulan silam tidak menyebabkan kita alpa bahawa kita menghadapi realiti baru yang memerlukan metodologi baru dan mekanisme baru. Tetapi baru dalam pendekatan Islam tidak harus mengabaikan asas-asas yang fundamental. Faktor syariyyah, fitrah atau faktor nilai umpamanya adalah sesuatu yang amat fundamental dalam proses pembangunan manusia. Sekiranya faktor ini dikembangkan secara kreatif tanpa mengetepikan faktor-faktor yang fundamental yang fitrah sifatnya, maka corak kemajuan, pembangunan dan perubahan terus subur dan berkembang dalam ruh yang fitrah.

Pentingnya diri manusia dibangunkan berdasarkan apa-apa sistem pun yang bakal diurus ianya bergantung rapat kepada jenis dan kualiti manusia yang ada. Sekiranya sesuatu itu asalnya tidak baik tetapi diurus, ditadbir atau dikendalikan oleh manusia yang berilmu, berketerampilan dan berakhhlak, lambat laun sistem itu akan bertukar menjadi baik. Tetapi sebaik mana sistem yang telah dibangunkan dan dikendalikan oleh orang yang tidak mempunyai ilmu dan keterampilan yang baik serta kualiti amanah yang rendah, lambat laun sistem itu akan rosak juga kerana ianya tidak dikendalikan oleh orang yang ahli dalam bidangnya. Sebab itu kerosakan yang berlaku dalam hidup ini berpunca dari peribadi-peribadi yang cuba menyisihkan kepentingan nilai dan akhlak dalam pengurusan diri dan sistem dan melihat kebendaan sebagai matlamat dan pengurusan sebagai kesempatan untuk mengukuhkan kedudukan dan kepentingan diri.

Pembangunan manusia yang bakal mengendalikan pengurusan diri dan sistem bergantung kepada jenis ilmu yang ditawarkan kepadanya dan jenis pendidikan yang diberi. Sekiranya pembangunan ilmu hanya menumpu kepada keperluan akademik dan ketrampilan, fokus pengurusan hanya menumpu kepada sistem dan tidak bermula pada diri. Sebaliknya penekanan kepada pengurusan diri dijadikan keutamaan hingga berlaku kealpaan terhadap ilmu-ilmu pengurusan sistem, ianya menyebabkan ketidakupayaan menguruskan sistem dengan berkesan. Bagi menghasilkan kualiti yang seimbang, ilmu pengurusan diri dengan ilmu pengurusan sistem diintegrasikan supaya hasilnya membawa kualiti sebenar yang diperlukan oleh pembangunan negara.

Kerosakan dan kelemahan yang berlaku dalam sistem sama ada gejala negatif dalam kehidupan sosial yang semakin menjadi wabak,

kecurangan dan salah laku di banyak peringkat dalam sistem sosial, pendidikan, kewangan, hiburan malah perkembangan teknologi maklumat menyebabkan kita hilang arah akan punca terjadinya dan tidak upaya memilih jalan pulang untuk memulihkannya. Yang jelas terjadi antara lain berakibat lemahnya ilmu pengurusan dan pengawalan diri menyebabkan faktor nafsu-nafsi menjadi pertimbangan yang membawa faedah komersial saja dan membiakkan budaya hedonistik (berfoya-foya) yang merosakkan generasi muda.

Justeru, pembangunan negara amat bergantung kepada perkhidmatan terbaik yang disumbangkan oleh kakitangannya. Kakitangan kerajaan dalam perkhidmatan awam di Malaysia sentiasa diingatkan agar bersedia berubah bagi mempertingkatkan mutu kerja mereka. Perubahan adalah satu keperluan selaras dengan keperluan semasa negara (Ahmad Sarji, 1993). Perubahan terhadap perkhidmatan awam mampu membantu negara mencapai wawasan yang dicita-citakan (Ahmad Sarji, 1996).

Pembangunan dalam Islam adalah berteraskan kesepaduan aspek rohani dan jasmani. Pembangunan jasmani tanpa rohani akan mengakibatkan lahirnya tamadun yang tempang. Islam menghendaki sesuatu pembangunan fizikal yang dilaksanakan hendaklah tidak mengabaikan faktor rohani (al-Buraey, 1992). Pengurusan Islam juga turut memberi tumpuan kepada aspek rohani dan jasmani (Jabnoun, 1994). Kekuatan inilah yang membolehkan Islam melebarkan pengaruhnya melepas sempadan dunia Arab.

Islam menggariskan etika-etika tertentu bertujuan membangunkan kualiti sesebuah pengurusan (Syed Othman al-Habshi, t.t). Antara etika pengurusan dalam Islam ialah (Mohd. Nakhaie, 1996):

a. *Al-‘Ubadiyyah (Pengabdian)*

Setiap perlakuan manusia mestilah memenuhi ciri-ciri yang menampakkan pengabdian diri kepada Allah SWT. Keikhlasan, ketekunan dan kehusukan adalah antara kriteria bagi mencapai tahap pengabdian yang berkualiti. Jin dan manusia diciptakan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Dzariyat ayat 56 yang bermaksud: “Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.” Segala perlakuan manusia yang menepati kehendak Islam adalah dianggap sebagai satu bentuk ibadah. Menguruskan perubahan dalam sesebuah organisasi sebagai satu penambahbaikan adalah merupakan satu bentuk ibadah. Sebagai hamba dan khalifah Allah, adalah menjadi kewajipan

kepada umat Islam untuk memperbaiki kualiti kehidupan seiring dengan keperluan dan tuntutan syarak.

b. Al-‘Adalah (Keadilan)

Keadilan bermaksud memberi hak kepada yang berhak. Ia perlu diamalkan oleh semua manusia. Kita dianjurkan untuk berlaku adil ketika mentadbir atau mengendalikan sesuatu urusan sebagaimana dapat dilihat dalam surah al-Nahl ayat 90 yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya” dan surah al-Syura ayat 15 yang bermaksud: “Oleh kerana yang demikian itu, maka serulah (Mereka – Wahai Muhammad – kepada beragama dengan betul), serta tetap teguhlah Engkau menjalankannya sebagaimana yang diperintahkan kepada-Mu, dan janganlah Engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka; sebaliknya katakanlah: “Aku beriman kepada Segala kitab yang diturunkan oleh Allah, dan Aku diperintahkan supaya berlaku adil di antara kamu. Allah jualah Tuhan kami dan Tuhan kamu. bagi kami amal kami dan bagi kamu amal kamu. tidaklah patut ada sebarang pertengkaran antara kami dengan kamu (kerana kebenaran telah jelas nyata). Allah akan menghimpunkan kita bersama (pada hari kiamat), dan kepada-Nyalah tempat kembali semuanya (untuk dihakimi dan diberi balasan).” Perubahan yang bersifat menzalimi hak orang lain tidak dibenarkan oleh syarak. Atas asas itulah Islam memberi penekanan tentang *al-‘adalah* agar perubahan yang dilaksanakan bersifat rahmat untuk seluruh alam – *rahmatan lil ‘alamin*.

c. Al-Amanah (Amanah)

Amanah bermaksud tanggungjawab yang diterima seseorang dengan keyakinan dia dapat melaksanakannya. Sebagai contohnya Allah SWT menuntut kita beramanah dalam melapor dan merekodkan sesuatu sebagaimana terkandung dalam surah al-Baqarah ayat 283 yang bermaksud: “Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang) kemudian kalau yang memberi hutang percaya kepada yang berhutang (dengan tidak payah bersurat, saksi dan

barang gadaian), maka hendaklah orang (yang berhutang) yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang yang diamanahkan kepada-Nya, dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah Tuhan-Nya dan janganlah kamu (Wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.”

d. Berdisiplin

Dalam surah al-Ma'un ayat 4-7 yang bermaksud: “(kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang-orang yang mendustakan ugama), maka kecelakaan besar bagi orang-orang ahli sembahyang, (iaitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya; (juga bagi) orang-orang yang berkeadaan riak (bangga diri dalam ibadat dan bawaannya), dan orang-orang yang tidak memberi sedikit pertolongan (kepada orang yang berhak mendapatnya).” Dan al-Munafiqun ayat 9 yang bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda kamu dan anak-pinak kamu daripada mengingati Allah (dengan menjalankan perintah-Nya) dan (ingatlah), sesiapa yang melakukan demikian, maka mereka itulah orang-orang yang rugi.” Allah menegur sikap manusia yang lalai, riak dan enggan memberikan pertolongan kepada yang memerlukan. Ia merupakan satu perbuatan yang tidak berdisiplin. Perubahan tidak mungkin berlaku dengan sempurna jika dalam sesbuah organisasi itu dibarisi oleh pemimpin dan ahli atau salah satu daripada keduanya yang tidak berdisiplin. Perubahan bukan untuk yang dipimpin sahaja malahan juga yang memimpin. Justeru setiap anggota perlu berdisiplin bagi memastikan perubahan yang hendak dilaksanakan berjalan mengikut perencanaannya. Perlanggaran disiplin sudah semestinya memberi padah kepada organisasi keseluruhannya.

e. Bersyukur

Dalam surah al-A'raf ayat 10, Allah SWT berfirman yang bermaksud: “Dan Sesungguhnya Kami telah menetapkan kamu (dan memberi kuasa) di bumi, dan Kami jadikan untuk kamu padanya (berbagai jalan) penghidupan (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur.” Umat Islam wajib melahirkan rasa syukur terhadap Allah SWT atas segala nikmat yang dikurniakan. Segalanya berlaku dengan izin Allah SWT. Penglahiran tanda syukur ini adalah dengan melaksanakan

segala suruhan Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya. Individu yang tidak bersyukur merupakan manusia yang buta dalam menilai kemampuan sendiri. Manusia tidak mungkin mampu dengan kemampuan sendiri untuk melakukan sesuatu kecuali dengan izin Allah SWT. Justeru sifat syukur ini hendaklah diterapkan dalam jiwa seseorang ketika dalam proses melakukan dan menguruskan sesuatu perubahan.

Sifat ini tergambar melalui jawapan Rasulullah SAW terhadap pertanyaan isterinya Aisyah ra mengenai kesungguhan Baginda beribadat: “Tidakkah wajar aku menjadi hamba Allah yang bersyukur?” – Muttafaq ‘Alaih. Umat Islam hendaklah sentiasa meletakkan setinggi pengharapan terhadap Allah SWT dalam segala pengamalan termasuklah ketika melaksana dan menguruskan sesuatu perubahan. Berubah atau tidaknya sesuatu perkara adalah bergantung kepada kehendak Allah SWT. Justeru jika perubahan berjaya dilaksanakan, umat Islam yang menganggotai sesebuah organisasi hendaklah memanjatkan rasa syukur terhadap Allah SWT dan bersabar jika ianya gagal. Tanpa sifat syukur ini, sifat angkuh akan menulari individu dan organisasi yang dianggotainya.

f. Bertanggungjawab

Penegasan Allah SWT ini dapat disebut dalam al-Quran antaranya dalam surah al-Isra’ ayat 36 yang bermaksud: “Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.” Hadis Rasulullah SAW: “Setiap orang daripada kamu merupakan penjaga dan setiap penjaga bertanggungjawab terhadap apa yang dijaganya” – Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Segala perlakuan kita akan dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT. Manusia dikurniakan kemampuan spiritual dan fizikal untuk menilai sesuatu perubahan sama ada ianya mempunyai kebaikan atau sebaliknya. Jika tiada rasa tanggungjawab, masing-masing akan lebih memikirkan kedudukan diri sendiri tanpa mengambil kira kedudukan manusia yang saling lengkap melengkapinya.

g. Jujur/Ikhlas

Sikap jujur dan ikhlas banyak disebut di dalam al-Quran dan al-Hadis. Dalam al-Quran antaranya ialah surah al-Bayyinah ayat 5 yang bermaksud: “Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan

mereka, dan mereka lah orang-orang yang berjaya..” Rasulullah SAW juga menyebutkan sebagaimana hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim yang menjustifikasikan setiap amalan itu dengan niat. Ia mampu mengelakkan beberapa sifat curang dalam sebarang perkhidmatan seperti khianat, rasuah dan seumpamanya. Individu yang jujur tidak akan kecewa jika kesungguhan yang ditunjukkannya tidak diberi penghargaan oleh manusia. Ia akan berusaha membawa perubahan paling tidak terhadap diri sendiri atas sifat jujur dan ikhlas ini.

h. Tekun

Perolehan sesuatu bergantung kepada usaha yang dilakukan untuk mendapatkannya sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Najm ayat 39 yang bermaksud: “Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya.”

Sikap sambil lewa akan adalah antara ciri kelemahan yang sering membawa padah kepada organisasi. Sifat tekun dalam sebarang pekerjaan adalah merupakan satu ibadah dan dicintai oleh Allah SWT. Rasulullah SAW menjelaskan dalam hadis riwayat al-Bayhaqi bahawa: “Sesungguhnya Allah mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu kerja, dia laksanakan dengan cemerlang.”

i. Bersistem

Pekerjaan hendaklah dilaksanakan secara sistematik bertujuan mencapai matlamat yang digariskan. Allah SWT menyebutkan dalam surah al-Qamar ayat 49 yang bermaksud: “Dan tiap-tiap sesuatu kami jadikan dengan ketentuan.” ‘Ali ibn Abi Talib kw pernah menyebutkan bahawa kebenaran yang tidak bersistem akan dikalahkan oleh kebatilan yang bersistem. Sejarah Islam telah menjelaskan bagaimana Rasulullah SAW secara bersistem berusaha menangani perubahan pada peringkat awal dakwah Islam. Penurunan al-Quran sendiri berlaku secara bersistem sesuai dan selaras dengan sesuatu peristiwa. Penghijrahan Baginda dari Mekah ke Madinah juga merupakan episod perubahan tempat yang dilakukan secara bersistem. Justeru dapat kita nyatakan bahawa sesuatu perubahan yang hendak dilakukan mestilah secara bersistem.

Kerajaan memberi perhatian terhadap usaha untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan awam. Perubahan pengurusan yang hendak dilaksanakan amat berkait dengan nilai etika bagi diamalkan oleh anggota-anggota sektor awam. Untuk itu Pelan Integriti Nasional (PIN) telah

dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pada 23 April 2004 di Putrajaya. PIN difokuskan kepada matlamat pemantapan etika dan integriti serta membudayakan integriti dalam kalangan semua anggota masyarakat. Melalui PIN, usaha meningkatkan etika dan integriti dapat dilaksanakan dengan lebih sistematis dan efisien. Ini memandangkan usaha-usaha yang dibuat sebelum ini adalah tidak bersepada, menyeluruh dan bergerak bersendirian tanpa sinergi semua sektor. Menurut Laporan Tahunan 2004 Institut Integriti Malaysia, PIN mempunyai skop yang lebih *holistic (syamil)* dan diyakini berjaya.

Kekuatan dalaman amat perlu khususnya dalam era globalisasi. Struktur sosial dan budaya kita akan terkesan dengan globalisasi yang berlaku (Siti Fatimah, 2002). Kelalaian kita akan mengakibatkan timbulnya kesan negatif termasuklah dalam bidang pekerjaan. Justeru, setiap individu perlu memberikan sepenuh tumpuan atau fokus kepada bidang pekerjaan yang hendak dilaksanakan. Pencapaian sesuatu matlamat pekerjaan akan menjadi mudah dan menepati waktu jika ianya diberi fokus sepenuhnya. Mereka perlu bekerjasama untuk menghasilkan produk perkhidmatan yang terbaik. Kursus-kursus bertujuan meningkatkan kemahiran staf dan membentuk budaya kerja cemerlang perlu sentiasa diadakan. Semua pihak wajar bersikap positif terhadap perubahan yang dilaksanakan oleh agensi pekerjaan masing-masing. Kita juga hendaklah sentiasa berusaha mendepani perubahan supaya tidak ketinggalan. Kekuatan etika perlu dalam sesebuah organisasi kerana ianya menjadi pengukuh kepada perubahan-perubahan yang telah diputuskan.

Penutup

Pengurusan perubahan bagi mengukuhkan organisasi adalah sesuatu yang selari dengan kehendak Islam. Sejarah telah menunjukkan bahawa proses ini berlaku sekian lama dan terbukti ianya satu keperluan. Organisasi akan ketinggalan jika ahlinya tidak bersedia untuk berubah. Kepimpinan juga penting kerana kejayaan sesebuah organisasi adalah bergantung kepada kebijaksanaan mereka menguruskan perubahan tersebut. Bagi mencapai maksud tersebut, Islam telah menggariskan beberapa panduan etika untuk dilaksanakan oleh semua ahli organisasi.

Bibliografi

- Al-Qur'an mushaf Malaysia dan terjemahan.* (2005). Shah Alam: Yayasan Restu.
- Abdul Halim Mahmud. (1995). *Islam & akal.* Terj. Mohd Fakhrudin Abd Mukti. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdur Rahman I. Doi. (1996). *Syariah: The Islamic law.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu al-Maati Abu al-Futuh. (1990). *Islam politik dan pemerintahan.* Shah Alam: Penerbitan Hizbi.
- Abul A'la al-Maududi. (1984). *Khilafah dan kerajaan.* Bandung: Penerbit Mizan.
- Abul A'la al-Maududi. (1985). *Towards Understanding Islam.* Kuala Lumpur: A. S. Noordeen.
- Ahmad Ibrahim Abu Sin. (1997). *Pengurusan dalam Islam.* Terj. Abd Rashid Ngah dan Jusoh Kadir. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sarji. (1993). *The changing civil service.* Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Ahmad Sarji. (1996). *Civil service reforms: Towards Malaysia's Vision 2020.* Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Al-Buraey Muhammad. (1992). *Pembangunan menurut perspektif Islam.* Terj. Abdullah dan rakan-rakan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Auni Haji Abdullah. (2000). *Hisbah dan pentadbiran negara.* Kuala Lumpur: IKDAS Sdn. Bhd.
- Black, J., & Gregersen, H. (2002). *Leading strategic change.* New Jersey: Prentice-Hall.

Dari akar hingga buahnya. (2007). Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.

Fadzlullah Hj. Shuib. (1995). *Kecemerlangan ilmu dalam sejarah dan tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Warisan.

Ismail Hj. Ibrahim & Mohd. Sahri Abdul Rahman. (1994). *Ilmu dan kecemerlangan*. Kuala Lumpur: IKIM.

Jabnoun, N. (1994). *Islam and management*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.

Konsep Islam Hadhari. (2004). Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Lokman Ab. Rahman. (1997). *Pengurusan Islam: Etika, komunikasi dan motivasi*. Melaka: Jabatan Agama Islam Melaka dan Majlis Agama Islam Melaka.

Mohd. Nakhaie Hj. Ahmad. (1996). *Huraian kepada panduan al-Qur'an dan hadis bagi pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Nilai dan etika dalam perkhidmatan awam. (1993). Kuala Lumpur: INTAN. *Pelan Integriti Nasional* (t.t.). Kerajaan Malaysia.

Shafie Hj Mohd Salleh. (1995). *Kecemerlangan pentadbiran: Dasar dan amalan dalam Islam*. Kuala Lumpur: INTAN.

Siti Fatimah Abdul Rahman. (2002). *The impact of globalisation on social and cultural life: An Islamic response*. Kuala Lumpur: IKIM.

Syed Othman al-Habshi. (t.t.). *Islamic values and management*. Kuala Lumpur: IKIM.

Wajah baru belia visi dua tokoh. (1996). Kuala Lumpur: Pusat Kajian Kepimpinan dan Pembangunan (CELDES).